

03 NOV 2002

Mahathir-Lembaga/I

LEMBAGA PULIHARA KEWIBAWAAN SISTEM KEWANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) akan memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan pembangunan perbankan dan kewangan Islam.

Perdana Menteri berkata IFSB diharapkan akan memulihara kewibawaan sistem kewangan Islam dalam dunia perbankan yang semakin kompetitif dan menyumbang ke arah memperkukuhkan ketahanan keseluruhan struktur kewangan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan beliau dalam buka cenderamata sempena perasmian IFSB hari ini.

IFSB ditubuhkan atas usaha keras selama dua tahun oleh kumpulan bank-bank pusat, agensi kewangan dan pertubuhan antarabangsa bagi merumuskan peraturan dan penyeliaan antarabangsa yang standard bagi perbankan dan kewangan Islam.

IFSB bertindak sebagai sebuah persatuan bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan dan institusi lain yang bertanggungjawab bagi peraturan dan penyeliaan industri perkhidmatan kewangan Islam.

Dr Mahathir berkata sebagai sebuah badan yang menetapkan standard bagi institusi kewangan Islam, IFSB dijangkakan menjadi pemangkin penting bagi memperkukuhkan lagi daya tahan institusi kewangan Islam yang beroperasi di seluruh dunia, menggariskan landasan penting bagi kemajuan dalam pembangunan landskap kewangan Islam global.

"Perbankan dan kewangan Islam telah mewujudkan sempadan baru dan memperkukuhkan domain perbankan. Ia telah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha itu dan melalui ketabahan dan kebijaksanaan, perbankan dan kewangan Islam telah membangun dan membuktikan daya saingnya dalam dunia kewangan yang pesat berubah dan sejak itu telah semakin matang," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

LES ZS RHM